

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. ISMAIL BIN DAUT [ MERBOK ]**

**TARIKH : 19 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Dr. Ismail bin Daut [ Merbok ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai kanak-kanak di bawah program Permata Negara sejak penubuhannya.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program PERMATA Negara merupakan Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA yang ditubuhkan pada tahun 2007 dengan konsep "Setiap Anak PERMATA Negara". Program PERMATA Negara telah menggubal Kurikulum PERMATA Negara yang bersesuaian dengan keperluan pembangunan intelek dan fizikal kanak-kanak di bawah 4 tahun melalui pendekatan belajar sambil bermain, belajar adalah menyeronokkan sesuai dengan fitrah semulajadi kanak-kanak. Kurikulum ini telah diterima sebagai Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan pada tahun 2008.

Sepanjang tempoh pelaksanaannya, Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menjalankan tiga (3) kali Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Program PERMATA Negara. Dapatan hasil kajian-kajian tersebut membuktikan majoriti kanak-kanak yang mengikuti Program PERMATA Negara telah menunjukkan keupayaan minima melebihi 1 tahun milestone perkembangan sebenar mereka. Di samping itu, Program PERMATA juga telah menjalankan ujian tahap kepintaran kanak-kanak PERMATA Negara dan mendapati terdapat lebih 10% kanak-kanak yang sedang mengikuti Program PERMATA

Negara telah mempamerkan tahap kepintaran melebihi paras umur mereka.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH**  
**[SABAK BERNAM]**  
**TARIKH** : **19 MEI 2016 [KHAMIS]**  
**SOALAN** : **122**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bilangan syarikat yang berjaya menghasilkan produk berasaskan agrikultur, pertanian dan bioteknologi menerusi Dana Inovasi Sosial yang ditawarkan di bawah MOSTI dan nyatakan sejauh manakah penggunaan teknologi baru mampu meningkatkan hasil pertanian negara.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Program MOSTI *Social Innovation* (MSI) merupakan program untuk membantu **meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat**. Objektif utama MSI ialah menyebarkan aplikasi teknologi yang diterajui oleh Agensi MOSTI dengan kolaborasi bersama agensi-agensi kerajaan yang lain, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau komuniti tempatan. Sehubungan itu, dana MSI adalah berbeza dengan dana-dana pra pengkomersialan yang diperuntukkan oleh MOSTI seperti *ScienceFund*, *InnoFund* dan *TechnoFund* yang bertujuan merangsang aktiviti R&D negara serta menambahbaik produk R&D dan inovasi untuk tujuan pengkomersialan.

Penerima faedah langsung bagi semua projek di bawah Program MSI adalah komuniti akar umbi dan bukannya syarikat mahu pun individu tertentu. Sehingga kini,

**tiada kolaborasi secara langsung dengan syarikat-syarikat swasta atau sendirian berhad** di bawah program ini.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian telah meluluskan 88 projek pada tahun 2015 dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 25 projek merupakan projek yang berkaitan agrikultur, pertanian dan bioteknologi. Jumlah peruntukan yang terlibat bagi projek dalam bidang ini ialah RM3 juta yang memanfaatkan 25 kumpulan komuniti, termasuk penduduk kampung, komuniti atau petani yang berpendapatan rendah, persatuan nelayan, persatuan penternak madu dan pertubuhan peladang.

Antara contoh projek berasaskan pertanian atau bioteknologi yang diusahakan di peringkat komuniti akar umbi di bawah Program MSI ialah:

- (i) Perusahaan penghasilan kosmetik berasaskan serai wangi;
- (i) Penternakan ikan sangkar menerusi aplikasi berteknologi tinggi;
- (ii) Program penternakan lebah madu secara komersial;
- (iii) Penanaman cendawan; dan
- (iv) Penanaman tanaman herba.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelaksanaan projek-projek di bawah Program MSI bermula pada bulan Oktober 2015 dan mengambil masa sekurang-kurangnya enam bulan untuk disempurnakan. Sehubungan itu, buat masa ini MOSTI belum dapat melaporkan sejauh manakah impak program kepada komuniti serta keberkesanannya dalam skop yang lebih besar iaitu peningkatan hasil pertanian negara. MOSTI akan melaksanakan kajian impak ke atas Program MSI 2015 pada hujung tahun ini, iaitu dalam tempoh enam hingga 12 bulan selepas penyempurnaan projek.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENAJ]**

**TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN : 123**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah lesen memandu mengikut kelas sehingga April 2016; dan
- (b) berapakah jumlah lesen memandu yang digantung dan dibatalkan dan apakah jenis kesalahan yang mengakibatkan penggantungan dan pembatalan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan rekod di pangkalan data Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), jumlah lesen memandu mengikut kelas sehingga April 2016 adalah sebanyak 20,642,013 kelas lesen memandu iaitu meliputi semua kategori kelas lesen (A, A1, B, B1, B2, C, D, DA, E, E1, E2, F, G, H, I) atau bersamaan 13,723,962 juta pemegang lesen memandu aktif.
  
- (b) Sehingga 30 April 2016, sebanyak 27,240 kes pembatalan lesen memandu telah direkodkan atas kesalahan memandu secara cuai dan berbahaya sertayang disabitkan kesalahan oleh Mahkamah. Manakala sebanyak 30,348 kes penggantungan lesen memandu telah direkodkan atas kesalahan serius dan berbahaya yang disabitkan oleh Mahkamah serta membawa hukuman penggantungan lesen bagi tempoh tertentu.